

Penutupan rugikan golongan wanita

Buka semula Jabatan Pembangunan Wanita dan Klinik Nur Sejahtera: Wanita UMNO

LABUAN: Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) Wilayah Persekutuan Labuan yang telah ditutup sejak Mac lalu merupakan kerugian kepada golongan wanita khususnya dan masyarakat di wilayah ini secara amnya.

Usaha JPW Labuan dalam menggalakkan wanita menceburkan diri dalam aktiviti perniagaan dan keusahawanan termasuk micro-enterprise di Labuan sangat memberi manfaat kepada golongan wanita di pulau bebas cukai ini.

Ketua Wanita UMNO Bahagian Labuan Hajah Niswati Tarji berkata, program-program latihan seperti I-Kit dan I-KeuNita yang dianjurkan JPW Labuan banyak membantu wanita dalam meningkatkan tahap sosioekonomi wanita dan masyarakat.

Katanya, dengan penutupan pejabat itu, golongan berkenaan tidak lagi dapat menikmati keistimewaan peruntukan latihan daripada kerajaan seperti kemahiran kepada ibu-ibu tunggal dan keusahawanan wanita.

Manakala Klinik Nur Sejahtera (KNS) yang dibuka pada 2008 dan sejak itu golongan wanita di Labuan telah menikmati kemudahan



NISWATI

yang ditawarkan oleh LPPKN di bawah KPWKM.

Antara perkhidmatan yang ditawarkan KNS LPPKN Labuan ialah penjualan dan pemberian kaunseling khusus yang berkaitan perancang keluarga.

Kaedah perancang keluarga adalah untuk menjarakkan kelahiran demi untuk kesihatan kepada ibu dan kesejahteraan keluarga agar dapat sesebuah keluarga itu merancang kehidupan dari segi kewangan, kemudahan asas kepada ahli keluarga khususnya kepada anak-anak yang telah sedia ada mahupun yang bakal lahir.

Kaedah-kaedah peran-

cang keluarga yang ada di KNS adalah pil, suntikan, kondom, implanon dan alat dalam kelamin (IUCD).

Walaupun sebenarnya kaedah ini banyak ditawarkan di premis kerajaan (KKM) dan swasta, tetapi ramai wanita di Labuan lebih senang dan selesa memilih untuk datang ke KNS ini kerana perkhidmatan yang ditawarkan adalah selesa, mudah dan penerangan kaunseling yang memang khusus kepada kaedah perancang keluarga di samping harga yang ditawarkan adalah lebih murah daripada premis lain di Wilayah Persekutuan Labuan.

Perkhidmatan saringan kesihatan reproduktif (khusus untuk wanita) seperti pemeriksaan payudara (mengesan awal kanser payudara), pemeriksaan pap smear (mengesan awal kanser pangkal rahim), pemberian subsidi ujian mamogram (membantu wanita yang berisiko menghidap kanser untuk mengesan awal kanser payudara) dan suntikan/vaksinasi Human Papilloma Virus (HPV) - memberi perlindungan yang optimum kepada wanita daripada mencegah kanser pangkal rahim.

Pemeriksaan HPV DNA - satu ujian yang boleh membantu wanita yang

berisiko mengesan kanser pangkal rahim dengan lebih berkesan.

KNS turut menyediakan saringan kesejahteraan kepada wanita dan lelaki serta ceramah kesihatan reproduktif.

Niswati berkata, malangnya pada Disember 2017, KNS LPPKN Labuan telah ditutup perkhidmatannya dan kakitangannya dipindahkan bertugas ke Kota Kinabalu, Sabah.

Tambahnya, dengan penutupan KNS, golongan wanita tidak lagi dapat menikmati kemudahan yang ditawarkan pihak kerajaan termasuk menerima subsidi ujian mamogram kepada semua wanita warganegara Malaysia yang berumur 35 - 69 tahun. Ujian mamogram adalah satu ujian yang boleh dijalankan kepada wanita yang berisiko tinggi mendapat kanser payudara.

Kes kanser payudara adalah pembunuh kedua golongan wanita di negara ini.

Niswati berkata, semua perkhidmatan yang ditawarkan KNS LPPKN terpaksa diambil di KNS Kota Kinabalu yang menyebabkan wanita di Labuan terpaksa menyeberang ke Tanah Besar Sabah untuk mendapatkan perkhidmatan

tersebut iaitu di KNS Kota Kinabalu.

"Perjalanan ke Kota Kinabalu mengambil masa yang panjang dan memerlukan kos yang agak banyak termasuk pengangkutan, penginapan dan makan minum serta mereka terpaksa mengambil cuti meninggalkan anak-anak dan keluarga," katanya dalam satu kenyataan media, di sini kelmarin.

Beliau berkata, sejak penutupan KNS Labuan, kakitangan yang bertugas di KNS LPPKN Labuan yang juga anak jati dan permastautin tetap di Labuan terpaksa meninggalkan keluarga berpindah untuk bertugas di Kota Kinabalu.

Meskipun Klinik Bergerak LPPKN yang berkala seperti sebelum ini dilaksanakan LPPKN Sabah ke Labuan, namun perkhidmatan tersebut tidak dibuat secara menyeluruh kerana masa yang agak terhad.

Sehubungan itu, Wanita UMNO Bahagian Labuan mencadangkan agar bangunan pejabat yang dimiliki oleh JPW di Labuan digunakan untuk dijadikan Klinik Nur Sejahtera daripada ia dibiarkan kosong tanpa sebarang kegunaan dan manfaat kepada warga Wilayah Persekutuan Labuan.